

**Pemuda PAS tidak puas hati penjelasan SPR, tiada bukti pegawai 'memihak'
Malaysian Insider
Disember 11, 2012
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 11 Dis — Pemuda PAS melahirkan rasa tidak puas hati di atas kenyataan pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dan bertegas badan tersebut perlu bebas daripada sebarang pengaruh politik.

Namun, ketua pemuda PAS Sabah, Lahirul Latigu, apabila disoal oleh The Malaysian Insider, gagal memberikan bukti untuk menyokong dakwaan pegawai itu terlibat dalam salahguna kuasa memihak.

"Kami belum ada bukti pegawai SPR itu memihak kepada Umno, tetapi secara prinsipnya ia adalah tidak telus.

"Bagaimana SPR mahu memastikan satu pilihan raya itu adil kalau ada orang politik dalam organisasi mereka?" soal beliau.

Sebelum itu, Lahirul mendedahkan nama pegawai tersebut yang merupakan timbalan pengarah SPR Sabah, Aksyah Nasrah yang memegang jawatan ketua penerangan Umno bahagian Kinabatangan (No ahli 03657122).

Menurut Lahirul lagi, pegawai tersebut merupakan ahli aktif Umno di kawasan tersebut dan seringkali mengeluarkan kenyataan secara terang-terangan yang memihak kepada parti tersebut.

"Boleh semak balik kenyataan beliau dalam media, adakah ini bukannya memihak?" kata beliau lagi.

Dalam laporan minggu lalu, Lahirul menggesa SPR memberikan penjelasan terhadap tuduhannya terdapat pegawai tertinggi agensi pilihan raya tersebut menjadi ahli tertinggi Umno.

Menurut Abdul Aziz, tiada sebarang maklumat yang diperolehinya mengenai tuduhan tetapi pada masa sama menegaskan pegawai SPR mempunyai hak demokrasi untuk menyertai parti politik tetapi mereka tidak boleh memihak semasa menjalankan tugas.

"Tidak salah untuk mana-mana pegawai SPR menyertai parti politik. Tidak kisahlah sama ada menyertai PAS, PKR ataupun Umno," kata Abdul Aziz kepada The Malaysian Insider apabila dihubungi berkenaan isu tersebut.

"Itu hak demokrasi."

Beliau juga menegaskan SPR mengalu-alukan jika terdapat kebenaran ke atas tuduhan oleh PR jika pegawai itu menyalahguna kuasa dan menggesa mereka membuat aduan serta memberi bukti untuk mengukuhkan dakwaan tersebut.

"Jika ada bukti yang mengatakan pegawai itu bersalah, sila kemukakan bukti. Kalau boleh berikan nama, jawatan dan gambar kalau ada," kata Abdul Aziz lagi.

"Kami akan siasat tanpa memilih siapapun pegawai tersebut."

Bekas pegawai tinggi kerajaan itu juga bersetuju seseorang pegawai SPR yang menyertai parti politik perlulah tidak mencampur-aduk antara tugasannya dengan ideologi politik dan berpendapat ia adalah menyalahi etika kod kerja seorang penjawat awam.

Pengerusi SPR juga memberitahu tidak terdapat peraturan ataupun undang-undang yang menghalang mana-mana penjawat awam untuk menyertai mana-mana parti politik cuma jika seseorang itu aktif dalam parti mereka perlu menghantar permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-pas-tidak-puas-hati-penjelasa-n-spr-tiada-bukti-pegawai-memihak/>